



**PERMOHONAN DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN
ADALAH DIPELAWA UNTUK MENGISI JAWATAN-JAWATAN BERIKUT:**

1.0 JAWATAN	: PEGAWAI PERUBATAN GRED UD43
KUMPULAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
KLASIFIKASI	: PERUBATAN DAN KESIHATAN
TARAF JAWATAN	: KONTRAK
PENEMPATAN	: JABATAN PERUBATAN

SYARAT LANTIKAN WAJIB

- Warganegara Malaysia
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

SYARAT LANTIKAN

Kelayakan Masuk	: Ijazah Sarjana Muda
Bidang/Kelayakan Khusus	: Ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

ATAU

Kelayakan Masuk	: Badan Profesional
Bidang/Kelayakan Khusus	: Calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED UD43

Kelayakan Masuk	: Ijazah Sarjana Muda
Bidang/Kelayakan Khusus	: a) memenuhi syarat lantikan dan syarat kelayakan Bahasa Melayu
	b) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan
Gaji Permulaan	: UD43: RM3,611.00;

RINGKASAN TUGAS

Ringkasan tugas : - Bertanggungjawab memeriksa dan merawat pesakit, menguruskan rawatan dan pemeriksaan ibu-ibu mengandung serta menyambut kelahiran bayi, menjalankan pemeriksaan mayat, menyediakan laporan, menjalankan tugas-tugas on call dan menyampaikan ceramah-ceramah.

2.0 JAWATAN	: PEGAWAI PERGIGIAN GRED UG41
KUMPULAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
KLASIFIKASI	: PERUBATAN DAN KESIHATAN
TARAF JAWATAN	: KONTRAK
PENEMPATAN	: UNIT KESIHATAN STAF & PELAJAR

SYARAT LANTIKAN WAJIB

- Warganegara Malaysia
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED UG41

Kelayakan Masuk	: Ijazah Sarjana Muda
Bidang/Kelayakan Khusus	: a) Ijazah dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.
Gaji Permulaan	: UG41: RM2,844.00

RINGKASAN TUGAS

Ringkasan tugas : - Bertanggungjawab meningkatkan taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat melalui rawatan dan aktiviti pencegahan kesihatan pergigian.

PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada 2 Ogos 2018. Sila layari laman sesawang mors.ummc.edu.my/ untuk keterangan lanjut.